

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan amat jelas bahawa pengisytiharan darurat pada Januari 2021 telah gagal mengatasi pandemik COVID-19 mengakibatkan Perdana Menteri Ke-8 terpaksa meletakkan jawatannya, apakah jaminan bahawa Kerajaan tidak akan mengisytihar darurat sekali lagi pada masa yang akan datang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada 11 Januari 2021, Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi perkenan supaya darurat dikuatkuasakan sehingga 1 Ogos 2021. Proklamasi Darurat tersebut adalah sebagai langkah proaktif bagi membendung dan menguruskan pandemik Covid-19 secara berkesan dan segera.

Dalam tempoh tersebut, terdapat enam (6) Ordinan Darurat yang telah diwarta dan dikuatkuasakan. Penguatkuasaan Ordinan-Ordinan Darurat telah membolehkan Kerajaan menguruskan Pandemik COVID-19 secara menyeluruh dengan mengimbangi antara kepentingan kesihatan rakyat dan kelangsungan ekonomi negara.

Namun begitu, virus COVID-19 yang bermutasi dan mencetuskan varian baharu yang lebih ganas dan mampu merebak melalui udara (*airborne*) serta ditambah pula dengan ketidakpatuhan segelintir masyarakat terhadap SOP telah menyebabkan wabak ini menular dengan pantas dan mendatangkan cabaran yang besar kepada Kerajaan untuk menanganinya.

Dalam hal ini, pernyataan yang mengatakan pengisytiharaan darurat bagi mengatasi pandemik COVID-19 telah gagal adalah kurang tepat kerana terdapat kebaikan-kebaikan yang jelas daripada Proklamasi ini yang telah membolehkan Kerajaan melaksanakan tindakan mengukuhkan pengurusan kesihatan awam dengan lebih berkesan.